

Sinar  
Harian  
9/4/2019  
m/s 22

# Berkubang 'igat' ikan

*Penduduk manfaat  
musim kemarau  
tangkap ikan darat*

ROHANA ISMAIL

TUMPAT

**A**ktiviti menangkap ikan darat di kolam ikan terbiar Kampung Berangan Pondok di sini meriah dengan penyertaan 100 penduduk dari pelbagai peringkat usia.

Masing-masing tidak kisah bermandi selut, meraba ikan dengan tangan dan lebih kelakar apabila kanak-kanak hanya nampak dua biji mata setelah seluruh badan diselaputi selut.

Aktiviti ketika musim kemarau itu bukan sahaja mengeratkan hubungan penduduk, malah mengimbau kembali nostalgia lama.

Penduduk, Mohd Razman Mohd Nor, 44, berkata, aktiviti berkubang dalam selut itu sudah sinonim dengan penduduk di kampung berkenaan.

Namun katanya, kali ini sangat meriah kerana melibatkan penyertaan yang lebih ramai.

"Penduduk berebut igat (tangkap) ikan darat dengan tangan. Antara ikan yang berjaya ditangkap adalah keli, haruan, puyu dan sepat. Seronok tengok aksi masing-masing.

"Bermula jam 8 pagi lagi mereka dah beraksi dan berjaya menangkap kira-kira 200 kilogram ikan darat. Hasil tangkapan itu dimasak untuk

**Saya selalu  
masuk sawah  
cari ikan, cuma hari  
ini meriah sebab  
ramai kawan."**

- Mohd Afiq Danial

dijamu kepada pencari ikan ini dan selebihnya dijual," katanya.

Bagi peserta kanak-kanak, Mohd Afiq Danial Mohd Nasir, 12, dia sudah biasa bermandi selut.

"Saya selalu masuk sawah cari ikan, cuma hari ini meriah sebab ramai kawan.

"Banyak juga saya dapat tangkap ikan, seronok sangat cuti hujung minggu ini," katanya.

Sementara itu, pemilik kolam ikan,



Sekumpulan budak lelaki menunjukkan hasil tangkapan mereka.

Mohd Fakrudin Mat Ail, 32, berkata, kolam terbiar itu adalah peninggalan datuknya.

Menurutnya, sudah empat tahun ia terbiar, tetapi terdapat banyak ikan darat di dalamnya.

"Setiap kali banjir kawasan ini ditenggelami air, jadi banyak ikan dari

sawah masuk ke dalam kolam ini.

"Apabila banjir surut ikan ini terperangkap dalam kolam," katanya.

Tambahnya, sudah empat tahun kolam tersebut tidak dibersihkan, maka ketika musim kemarau sebegini mereka mengambil peluang menangkap ikan kerana airnya surut.



Seorang penduduk berjaya menangkap ikan haruan.



Ikan yang ditangkap dimasak gulai kuning untuk dimakan beramai-ramai di atas wakaf di tepi bendang.

Kanak-kanak ini menunjukkan ikan yang ditangkap.

Sebahagian ikan yang ditangkap akan dijual.

Kanak-kanak berkubang dalam selut untuk menangkap ikan.